

CNS0773

U GB 02-06 00157 B930

REPEAT bah

Mahathir - Pusat

KUALA LUMPUR SEBAGAI PUSAT MEDIA SERANTAU

(Embargo: Untuk siaran selepas pukul 10.30 malam ini, 2 Jun)

KUALA LUMPUR, 2 Jun (Bernama) -- Kerajaan telah memutuskan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat media dan maklumat bagi rantau ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Pelbagai persiapan telah dibuat ke arah itu," kata beliau.

Katanya beberapa syor telah dirumuskan oleh sebuah jawatankuasa pelbagai jabatan bagi memudahkan lagi urusan keluar masuk dan operasi wartawan-wartawan asing di negara ini.

"Kerajaan akan mengkaji perakuan-perakuan ini dan sekiranya didapati sesuai, ia akan dilaksanakan demi kebaikan bersama," kata beliau ketika berucap merasmikan pelancaran perayaan jubli perak Bernama pada satu majlis jamuan malam di Hotel Istana di sini.

Kira-kira 800 anggota Bernama dan tetamu termasuk Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, ketua-ketua pengarang akhbar tempatan dan wartawan asing menghadiri majlis itu. -- Bernama.

SJ NM.

♥02/06/17-11MST